

# Qalam

---

Bilangan 22 – Syaaban - Mei 1952 – 60 sen

---

## PECAH BELAH

---

Daripada berita-berita yang sampai dari Indonesia adalah menunjukkan bahawa di dalam lingkungan umat Islam Indonesia telah timbul suatu perkara yang sangat mendukacitakan yang kita pandang harus merugi dan membahayakan kepada keselamatan dan kesejahteraan kedudukan politik Islam di Indonesia. Jika dalam masa kebangkitan merebutkan kemerdekaan Indonesia umat Islam Indonesia. Telah bersatu di bawah bendera Masyumi di dalam mana mereka telah menubuhkan tentera-tentera sabil Allah dan tentera hisab Allah sedang semua pertubuhan-pertubuhan yang besar bergabung di dalam satu nama dan satu tujuan yang daripadanya bersatu di dalamnya parti syarikat Islam Indonesia tetapi sesudah kebangkitan itu berjaya maka terbitlah di sana suatu perpecahan di dalam mana Partai Sarekat Islam Indonesia dan Tuan Kartosoewirjo keluar daripada ikatan itu lalu menubuhkan Dar Al-Islam yang terkenal sekarang berkerja di bawah tanah menuntut supaya Indonesia menjadi sebuah negara Islam yang jati sedang parti syarikat Islam Indonesia di katakan telah berpegang kepada faham bahawa ia yang lebih utama pada masa-masa lalu sepatutnya di sanalah berhimpunnya persatuan umat Islam seluruh Indonesia.

Sesudah baginda menyerahkan kedaulatan negara Indonesia kepada bangsa Indonesia sendiri pada 29 disember 1949 maka Masyumi yang telah menjadi badan persatuan umat Islam

yang terkuat di Indonesia telah dapat merebut kekuasaan dengan pengaruh yang besar iaitu dengan tertubuhnya jemaah menteri yang di ketuai oleh Tuan Mohammad Natsir sebagai Perdana Menteri. Tetapi kemudiannya timbul perselisihan-perselisihan faham yang bukan sahaja datangnya daripada Pertubuhan-pertubuhan Kebangsaan tetapi juga daripada pihak-pihak Masyumi sendiri dan dengan kerana itu di dalam Masyumi terbitlah dua golongan yang pertama golongan Sukiman yang di gelar parti konservatif Masyumi pihak Nasir yang di gelar orang dengan Progresif Masyumi.

Daripada perpecahan itulah akhirnya pihak konservatif Masyumi menyetujui tertubuhnya suatu jemaah Menteri yang diketuai oleh Doktor Sukiman yang kemudiannya jemaah Menteri ini telah jatuh digantikan oleh Jemaah Menteri yang baru diketuai oleh Tuan Wilopo (Parti Nasional Indonesia) sebagai Perdana Menteri dan Tuan Prawoto Mangkusasmito (Masyumi Progresif – Parti Natsir) sebagai naibnya.

Apabila ditilik kepada pihak-pihak Masyumi yang menduduki kerusi-kerusi Menteri yang diuntukkan baginya sebanyak empat buah kerusi itu didapati semuanya daripada pihak Progresif Masyumi sehingga membawa kepada Menteri Agama Wahid Hashim (dari Nahdahtul Ulama) – yang bergabung dengan Masyumi yang telah memegang menjadi Menteri-Menteri agama dalam jemaah-jemaah Menteri yang lalu telah digantikan oleh Faqih Othman – daripada parti Muhammadiyah yang bergabung dengan Masyumi adalah menambah lagi perpecahan itu dengan sebab daripada apa yang kita dapat di sana telah timbul perasaan lebih daripada tujuan maslahat yang patut dipertahankan oleh umum umat Islam terutamanya di dalam masa puak yang ketiga (Bumi Nisah) menunggu-nunggu saat dan peluang perpecahan itu untuk merebut kekuasaan-kekuasaan yang lebih besar di dalam pemerintahan Indonesia.

Kita telah pernah di fahamkan bahawa sebab-sebabnya yang menjadi perpecahan itu lain tidak yang utamanya bukannya di atas dasar-dasar politik tetapi timbulnya perpecahan itu sepanjang

yang kita ketahui ialah tentang perselisihan-perselisihan faham keagamaan oleh kerana sekarang telah jelas pihak Natsir itu ialah dahulunya digelar sebagai pihak Kaum Muda sedang pihak Sukiman dan Nahdatul Ulama ialah Pihak Tua sepanjang yang difahamkan bahawa pihak Natsir mempunyai 30 peratus pengikut sedang pihak Sukiman mempunyai 70 peratus pengikutnya.

Perasaan-perasaan yang hapus dengan sebab perjuangan dahulu sekarang telah timbul semula dengan sebab lain tidak terbitnya nampaknya oleh kerana perselisihan faham yang konsevetif lebih mengemari membaca doa dan tahlil sedang yang Progresif mencela yang demikian itu sama ada celaan kedua-dua pihak itu tidak nampak tetapi pada batinnya masih berjalan dan terus berjalan dan sebab perasaan itulah harus Nahdatul Ulama yang banyak mempunyai pengikut yang di ketuai oleh Kiyai Haji Abdul Wahab (ayah kepada Kiyai Wahid Hashim) kerana tidak ada daripada puak mereka di dalam jemaah itu telah menimbulkan suatu langkah yang mereka akan keluar daripada Masyumi. Langkah itu telah diikuti pula oleh Sukiman dan Yusuf Wabisono yang daripadanya telah lahir perpecahan itu telah mendalam dan dengan kerana perpecahan itu harus dengan sendirinya melemahkan kedudukan Masyumi. Yang dahulunya menjadi sebuah parti yang kuat dan diharap oleh negara-negara Islam pada suatu masa akan menjadikan negara Indonesia itu sebuah negara Islam yang jati.

Berita-berita tentang perpecahan ini adalah menjadi perhatian yang besar kepada negeri-negeri Islam umumnya dan menjadi berita yang mendukacitakan bagi orang-orang Islam yang kasihkan Islam di Semenanjung Tanah Melayu



*Salah satu di antara berpuluh-puluh bangunan harta kepunyaan orang asing yang telah di bakar hangus oleh perosak-perosak di Mesir pada hari yang berwayat itu ialah bank "Berkeley" yang kelihatan sedang menjulang-julang dengan api.*

oleh kerana harapan-harapan yang besar atas tertubuhnya sebuah negara Islam di Indonesia itu bukannya semakin bertambah tetapi semakin tipis. Kita berharap mudah-mudahan keadaan ini akan diinsafi oleh penganjur- penganjur Islam di Indonesia dan dapat mereka menjadi satu jalan untuk menyusun semula barisan-barisan Islam itu duduk di tempatnya yang asal dengan meninggalkan perkara-perkara yang merugikan dan suka berlebih berkurang untuk mendirikan masalah bersama kerana sekiranya yang demikian itu tidak dikawal dan dijaga sudah barang tentu sekali lagi di sana akan runtuh dan cogan Islam akan binasa kerana di dalam masa perpecahan itu sudah tetap puak yang ketiga yang bukannya sahaja menjadi musuh kepada orang Islam tetapi juga

menjadi musuh kepada puak kebangsaan akan gelak tertawa dan akan merebut peluang itu seberapa dapatnya mungkin mempengaruhi iaitu perkara-perkara yang akan merugi rakyat dan membinasakan negara Indonesia dengan pancasilanya.

Mudah-mudahan Allah memberi keinsafan kepada saudara-saudara kita umat Islam Indonesia supaya mereka tidak terpengaruh atau di pengaruhi semata-mata atas masalah pertubuhan dan puak masing-masing tetapi bersama-sama mengawal masalah yang satu supaya tidak dapat di pecah-pecahkan oleh musuh-musuh Islam yang dari satu ke suatu masa siang dan malam bekerja di dalam suatu cita-cita untuk meruntuhkan Islam bahkan mereka tidak senang kepada adanya suatu pertubuhan yang kuat yang ditakuti mereka kesan-kesannya terutamanya setelah mereka nampak bahawa di dalam persatuan umat Islam itulah pengorbanan-pengorbanan telah diberi untuk menyampaikan cita-cita mendirikan kemuliaan Islam di negara Indonesia. Insallah mereka hendaknya bagaimana ruginya kita di pecah-pecahkan oleh penjajahan dahulu itu dan keinsafan itu mudah-mudahan menjadi cermin kepada penganjur-penganjur Indonesia dengan memandangnya sebagai cermin dan panduan yang harus di fikirkan dengan tenang dan sabar untuk masalah Islam semata-mata.

Umat Islam di luar Indonesia memandang dengan harapan bahawa di Indonesia itulah sahaja tempatnya yang dapat di dirikan sebuah negara Islam yang sebenar-benarnya berjalan dengan cara-cara keselamatannya dengan sebab jika diperhati hanya di Indonesia itulah sahaja boleh di kata semua penganjur-pengajurnya terdiri daripada rakyat jelata, daripada rakyat yang sudah pernah menderita – tidak sebagai di negara yang lain yang memegang tampuk Islam itu yang kebanyakannya terdiri daripada hartawan-hartawan dan bangsawan yang perhubungannya dengan rakyat jelata sangat jauh dan terpisah dan sebab itulah perpecahan-perpecahan itu telah menghampakan hati umat Islam di luar Indonesia oleh kerana pengharapan itu akan menjadi hampa dan binasa. Inilah sebab-sebabnya menurut pandangan kita berita-berita tentang perpecahan itu walaupun

di dalam perkara hal ehwal di dalam Indonesia tetapi orang-orang Islam dari luar memandang perpecahan itu akan merugikan kepada mereka sendiri terutamanya kepada tujuan-tujuan Islam pada masa yang akan datang adanya.

\* \* \*

## **PERTUBUHAN ISLAM**

Bagi tiap-tiap orang Islam tentu telah berasa sukacita dan gembira menatap berita atas langkah-langkah menubuhkan seluruh pertubuhan Islam di Selangor yang di dalam cita-citanya dapat diperhati daripada siaran penajanya yang di siarkan di lain muka dalam keluaran ini.

Tentang nama tidaklah menjadi suatu sebab diperbincangkan sebegitu panjang tetapi cita-cita dan tujuan melaksanakan adalah patut di puji langkah menubuhkan ini menurut pengetahuan kita adalah mengikut kaedah kilat oleh kerana kita dapat tahu bahawa penajanya yang utama, Al-Fatih Akhir, menjalankan tujuan-tujuan itu di mulainya kalau kita tidak khilaf pada awal Januari 1952 ini dengan lebih dahulu mengadakan langkah-langkah kafriah-kafriah masjid di seluruh Selangor yang daripadanya kita percaya terbilah cita-cita ini dengan tidak baik bercakap dengan tidak di heboh-hebohkan tentang cita-cita itu, tetapi dengan serta merta telah terdiri ini adalah suatu langkah yang patut di sambut dan di sokong oleh tiap-tiap seorang kita oleh kerana jika sekiranya langkah yang sebegitu mulia dan tulus ikhlas tidak disokong dan di sambut maka sudah tetap kedudukan Islam akan runtuh dan binasa.

Cita-cita untuk mengadakan pertubuhan seperti ini di dalam daerah-daerah lain sebenarnya menurut apa yang kita telah ketahui telah berjalan bertahun-tahun lamanya tetapi cita-cita itu tinggal cita-cita jua dan tidak tumbuh – hanya menjadi buah percakapan dari satu ke suatu masa dengan masing-masing itu berasa bimbang terutamanya atas kedudukan-kedudukannya; dan dengan kerana itu adalah sentiasa menjadi alasan